

26 JUN 2000

Mahathir-Sekolah

INSIDEN BAKAR SEKOLAH MUNGKIN ADA PIHAK AJAR DEMIKIAN - MAHATHIR

SUBANG, 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau percaya insiden membakar sekolah yang membabitkan pelajar-pelajar sekolah berlaku kerana ada pihak tertentu mengajar mereka sedemikian rupa.

Katanya, apabila anak-anak telah diajar supaya tidak menghormati undang-undang dan menunjuk perasaan, ramai yang akan tertarik untuk mengambil tindakan sendiri tanpa mengikut undang-undang.

"Mereka dibesarkan sedemikian cara, nampak ada orang yang mempengaruhi kanak-kanak dari peringkat tadika lagi supaya membenci kerajaan dan tidak menghormati sesiapa pun termasuk guru," katanya pada sidang media di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, sekembalinya dari menghadiri mesyuarat G15 di Mesir.

Dr Mahathir berkata demikian semasa diminta mengulas empat kejadian membakar sekolah membabitkan pelajar sekolah, yang berlaku kebelakangan ini dan seolah-olah ada unsur gangsterisme.

Beliau berkata terdapat pihak tertentu yang mengajar supaya rakyat tidak menghormati undang-undang dan mengadakan tunjuk perasaan serta berkonfrantasi dengan polis, dengan kepercayaan kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa.

Dr Mahathir berkata apabila murid berkenaan telah dewasa, mereka akan menjadi orang yang tidak menghormati undang-undang.

Perdana Menteri berkata beliau kkuatir sekiranya kejadian tidak mematuhi undang-undang berterusan, sifat hormat kepada undang-undang akan hilang dan akan berlaku huru hara di negara ini nanti.

Katanya, kejadian tidak mematuhi undang-undang adalah satu daripada kesan tunjuk perasaan dan cubaan mencabar serta berkonfrantasi dengan polis.

"Kalau kita tidak menghormati undang-undang, satu hari nanti, kita tidak akan selamat lagi, ini nampak satu trend," katanya.

Dr Mahathir berkata sekiranya rakyat mula mengambil sesuatu yang asing daripada budaya negara ini, negara akan mendapat akibat buruk daripadanya.

Ditanya mengenai tindakan yang akan diambil, seperti cadangan memberikan kuasa polis kepada guru, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu berhati-hati dalam perkara itu.

Beliau berkata kerajaan tidak boleh begitu mudah hendak memberi kuasa kepada pihak tertentu.

Katanya, mereka sepatutnya menghormati undang-undang.

"Ini bermakna di sekolah lagi patut diajar kepada kanak-kanak, kepada penuntut betapa pentingnya mereka menghormati undang-undang," katanya.

--BERNAMA

HS MNY ZS RI